

KENANGAN...
Para peserta rombongan merakamkan gambar bersama pegawai Kesatuan KESAUMAS UNIMAS.



Lawatan ahli KEKAUMAS kukuh hubungan dengan UNIMAS

NST 2.9.2019 7

KOTA KINABALU: Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (KEKAUMAS) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), baru-baru ini.

Rombongan yang disertai oleh lebih 50 peserta yang terdiri daripada ahli Kesatuan dan keluarga itu telah diketuai oleh Presiden KEKAUMAS, Abdul Jalil Sapli itu telah melalui jalan darat menggunakan dua buah bas UMS.

Ketika di UNIMAS, rombongan telah diberikan taklimat oleh Penolong Pendaftar Kanan Jabatan UNIMAS Global, Ruvi Christina Akat, berhubung perkembangan UNIMAS masa kini.

Dalam ucapan aluan yang disampaikan oleh Presiden Kesatuan Kakitangan Am UNIMAS (KESAUMAS), Ramlie Bujang berkata lawatan KEKAUMAS ke UNIMAS adalah sangat dialu-alukan dan beliau mengucapkan terima kasih kerana sudi memilih UNIMAS sebagai destinasi lawatan.

Katanya, kunjungan KEKAUMAS ke Bumi

Kenyalang bukan sahaja dapat mengerakkan hubungan silaturrahim di antara kedua-dua Kesatuan bahkan juga dapat berkenal-kenalan bersama kedua-dua exco kesatuan dari UMS dan UNIMAS.

Tambah Ramlie, hubungan KESAUMAS bersama KEKAUMAS bukanlah baharu, malah telahpun wujud semasa Presiden KEKAUMAS yang pertama lagi di bawah pimpinan Amat Jutrah Haji Musniah.

"Saya amat berterima kasih kepada Amat Jutrah kerana telah membimbangi penubuhan KESAUMAS yang diilhamkan sendiri oleh beliau dalam satu perbincangan bersama Presiden Penaja Kesatuan pada masa itu diketuai oleh Mohd. Rezan Abdullah yang datang ke UMS." kata Ramlie.

Dalam ucapan balas yang disampaikan oleh Presiden KEKAUMAS, Abdul Jalil Sapli berkata lawatan ke UNIMAS melalui jalan darat memang sangat mencabar dan amat menguji kesabaran peserta untuk sampai ke UNIMAS di

Kota Semarahan, Kuching dalam masa 28 jam tidak termasuk bermalam di Miri.

Katanya, sudah menjadi kebiasaan kepada mana-mana Kesatuan dalam Universiti khususnya di IPTA Borneo, seboleh-bolehnya ingin meneruskan hubungan permuafakatan yang telah lama terjalin untuk terus kukuh. Bukan sahaja dalam urusan Kesatuan tetapi juga dalam urusan pengurusan pejabat.

"Saya berharap kepada semua peserta rombongan agar mengambil peluang untuk mendapatkan pengalaman dari segi kebudayaan dan sosial di Bumi Kenyalang yang melepas beberapa daerah sehingga ke Bandar Raya Kuching," ujar Jalil lagi.

Lawatan sambil belajar yang dianjurkan adalah permulaan dalam era kepimpinan selaku Presiden ke-2 KEKAUMAS.

Dengan adanya lawatan seperti yang dilaksanakan tentunya akan memberikan sumber inspirasi dan medan baharu bagi menimba nilai-nilai murni untuk kepimpinan dalam Kesatuan.

Seorang peserta yang juga ahli KEKAUMAS selaku pemandu bas, Saimin Abel berkata mengikuti lawatan sambil belajar ke Bumi Kenyalang adalah satu pengalaman yang terbaik sebagai seorang penjawat awam di mana kita bukan sahaja dapat mengerakkan hubungan silaturrahim tetapi juga boleh mempelajari pelbagai ilmu pengetahuan baik dari segi budaya, adat resam, juga bahasa dan makanan.

Semasa berada di Bumi Kenyalang rombongan telah dibawa melawat ke tempat-tempat yang menarik seperti Muszium Kucing, Waterpark Samariang, Jambatan Darul Hana, sekitar Bandaraya Kuching dan tidak ketinggalan juga ke Pekan Serikin.

Dalam perjalanan balik ke Sabah semua peserta telah berkesempatan melawat Negeri Brunei Darussalam dengan mengunjungi Masjid Omar Ali Saifuddien serta menyeberangi Jambatan RIPAS sebelum meneruskan perjalanan ke Kota Kinabalu.